

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

29. Bolehkah Kerajaan Negeri menambah baik sistem tender terbuka kita supaya kriteria perolehan dikemaskini dengan sistem markah atau "*point system*" supaya kontraktor-kontraktor mesti membuktikan kebolehan mereka melalui kerja-kerja mereka? Sistem markah ini juga boleh memastikan pengarah-pengarah yang telah disenarai hitam tidak boleh membuat tender melalui syarikat yang lain.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. Kerajaan Negeri sedang menaik taraf sysP (Sistem Perolehan Kerajaan Negeri) dengan penambahan Modul Penilaian Prestasi Kontraktor untuk dijadikan panduan semasa pemilihan kontraktor bagi projek-projek Kerajaan Negeri. Modul ini dijangka siap dibangunkan sepenuhnya pada Disember 2018. Modul ini akan membolehkan sistem pemilihan kontraktor menjadi lebih jitu di mana syarikat atau kontraktor yang disenarai hitam oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atau Kementerian Kewangan akan dapat dikenal pasti sebelum sebarang pemilihan dibuat.

Pada masa ini juga Kerajaan Negeri menggunakan pakai 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) dalam pengurusan perolehan secara tender di peringkat negeri. Prestasi dan pengalaman kontraktor adalah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang dianggotai oleh pegawai yang berpengetahuan dalam bidang

berkaitan perolehan tersebut. Penilaian kontraktor ini boleh diuruskan melalui pelbagai kaedah termasuk pemberian markah (*point system*) mengikut kesesuaian projek yang dinilai.